



PROJEK KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)

“ESCAPE GLOW”

I - TEAM

**INSTITUT PEMBANGUNAN MODAL INSAN
(ZON UTARA)**

ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	HALAMAN
1	Biodata Kumpulan	<u>3</u>
2	Pengenalan Projek	<u>4</u>
3	Pernyataan Masalah	<u>5</u>
4	Cadangan Inovasi	<u>6</u>
5	Objektif	<u>7</u>
6	Contoh	<u>8</u>
7	Layout Pemasangan	<u>9</u>
8	Lokasi Pemasangan	<u>10</u>
9	Anggaran Kos	<u>11</u>
10	Outcome	<u>12</u>
11	Penambahbaikan	<u>13</u>
12	Kesimpulan	<u>14</u>

BIODATA KUMPULAN

- Nama Kumpulan:

I - TEAM

- Fasilitator: Faizal bin Ahmad

- Ahli Kumpulan:

1. *Hajah Fatimah Lailani binti Abdul Wahab (Ketua)*
2. *Rahimah binti Ishak*
3. *Ibrahim bin Abdullah*
4. *Rahayu binti Muhammad*

- Tajuk Inovasi:

ESCAPE GLOW

Pengenalan Projek

Institut Pembangunan Modal Insan (Zon Utara) mempunyai dua (2) buah Dewan Kuliah di aras bawah (Dewan Bistari 1) dan tingkat 1 (Dewan Bistari 2) yang sering dijadikan lokasi untuk berkursus atau bermesyuarat saban tahun. Selain digunakan oleh kakitangan JPS sendiri, dewan kuliah ini turut menjadi pilihan utama jabatan – jabatan luar sebagai lokasi strategik untuk diadakan kursus, seminar atau bengkel kerana fasiliti institut yang dilengkapi dengan kemudahan asrama/penginapan ternyata memudahkan penganjuran sebarang program.

Setiap dewan kuliah ini mampu menempatkan kira-kira 50 orang peserta kursus dalam satu - satu masa. Pada kebiasaannya sebanyak 20 kursus berjadual akan dilaksanakan di sini setiap tahun. Namun, tidak hanya terhad kepada kursus dalaman, kursus di luar jadual juga acapkali dijalankan di IPMI Zon Utara apabila banyak permohonan daripada jabatan kerajaan yang lain diterima terutamanya setelah dasar penjimatan Perkhidmatan Awam diperkenalkan bermula tahun ini.

Secara purata lebih seribu (1000) orang menggunakan dewan kuliah di IPMI Zon Utara setiap tahun bagi mengikuti kursus mahupun lain-lain program. Justeru, aspek keselamatan peserta telah menjadi satu faktor penting yang tidak boleh dipandang enteng dan harus diambil serius bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah bertaraf dunia sejajar dengan wawasan JPS Malaysia.

PERNYATAAN MASALAH

- ❖ Di dalam bangunan, kecemasan boleh berlaku pada bila – bila masa dan ketika. Dari sekecil – kecil situasi seperti ‘*blackout*’ hinggalah ke kecemasan besar seperti kebakaran, kegagalan sumber bekalan elektrik dari berfungsi yang terhasil dari kecemasan ini boleh mengakibatkan panik dan huru – hara kepada individu yang berada di dalam bangunan tersebut.
- ❖ Biar pun terjadi di siang hari, dengan terputusnya bekalan elektrik akan menyebabkan ruang di dalam bangunan khususnya yang tertutup (seperti pejabat, dewan, bilik mesyuarat dsb.) bertukar gelap dan menghadkan deria pandangan. Telah menjadi norma seseorang individu untuk panik apabila berlakunya kecemasan dan ia boleh bertukar menjadi lebih buruk jika individu itu terperangkap di dalam kegelapan.
- ❖ Di dalam konteks IPMI, sekiranya kecemasan terjadi ketika berkursus, peserta yang terperangkap di dalam dewan kuliah pasti akan segera bertindak untuk keluar menyelamatkan diri. Ketika proses ini berlaku, peserta berkemungkinan mendapat kecederaan ketika cuba keluar untuk menyelamatkan diri di dalam gelap kerana peserta tidak nampak kedudukan serta susun atur kerusi dan juga meja di dalam dewan kuliah. Tambahan lagi, situasi panik juga memungkinkan peserta untuk mempamerkan reaksi yang ekstrem serta agresif bagi menyelamatkan diri kerana persekitaran yang gelap.

CADANGAN INOVASI

- ❖ 'Escape Glow' adalah pelekot '*fluorescent*' yang bercahaya di dalam gelap (*Glow-in-the-Dark*) bertujuan untuk memberi panduan kepada peserta kursus untuk menyelamatkan diri secara efisien sekiranya terjadi sebarang kecemasan yang melibatkan kegagalan elektrik dari berfungsi.
- ❖ Bertindak sebagai pengemudi arah yang berfungsi membantu peserta untuk keluar dari dewan kuliah dengan lebih selamat dan sistematik, 'Escape Glow' diyakini mampu melancarkan proses menyelamatkan diri dan meminimalkan risiko peserta untuk panik di dalam kegelapan dengan bantuan pencahayaan yang terhasil darinya.
- ❖ Bukan hanya sekadar efektif, projek ini turut dicadangkan untuk program inovasi kerana ia amat praktikal tanpa mempunyai impak kos yang tinggi.

OBJEKTIF

- ✓ Menjadi panduan laluan menyelamatkan diri ketika kecemasan.
- ✓ Mempercepatkan proses menyelamatkan diri.
- ✓ Mengurangkan perasaan panik peserta yang terkurung dalam bilik gelap.
- ✓ Mengelak berlaku kecederaan ketika usaha menyelamatkan diri.
- ✓ Menjadi panduan lokasi alat pemadam kebakaran, pintu keluar dan sebagainya.
- ✓ Mengurangkan kos pemasangan '*emergency exit light*' dan '*backup battery*'.

CONTOH



Panduan anak panah pada lantai




Panduan pintu keluar



Panduan lokasi alat pemadam kebakaran

LAYOUT PEMASANGAN



Pelan Pemasangan 'Escape Glow'

LOKASI PEMASANGAN



Di sepanjang dinding & lantai



Pada tanda – tanda kecemasan



Pada pintu keluar



Di setiap anak tangga

ANGGARAN KOS

Anggaran kos bagi pemasangan 'Escape Glow' adalah seperti berikut:

- a) '*Floor & Wall Arrow signage*' = RM 400.00
- b) '*Emergency Exit signage*' = RM 30.00 X 2 = RM 60.00
- c) '*Fire Extinguisher signage*' = RM 40.00

Kos Keseluruhan bagi sebuah Dewan Kuliah = **RM 500.00**

OUTCOME

- Elemen – elemen keselamatan kawasan kerja dapat dipertingkatkan.
- Ciri – ciri keselamatan yang efektif, ergonomik dan ekonomik.
- Langkah – langkah penjimatan dapat diimplimentasikan melalui pencahayaan semulajadi.
- Berpotensi untuk diperkembangkan pula ke kawasan – kawasan lain bangunan seperti pejabat, stor dan sebagainya.

PENAMBAHBAIKAN

- Efek yang ditonjolkan oleh 'Escape Glow' akan memberi hasil yang lebih menyerlah sekiranya diimplementasikan dalam bangunan – bangunan yang lebih besar dan memiliki tingkat yang banyak seperti di ibu pejabat JPS atau bangunan JPS Negeri.
- Ini adalah kerana bangunan yang lebih besar mempunyai bilangan bilik yang lebih banyak serta susunatur yang lebih kompleks serta menempatkan lebih banyak peralatan, perkakas dan perabot yang boleh menyukarkan lagi operasi untuk menyelamatkan diri ketika kecemasan tanpa ketiadaan pencahayaan bekalan elektrik.
- JPS juga boleh menjadi jabatan PERTAMA yang mengimplimentasikan langkah keselamatan ini serta menjadi pelopor dan mencadangkan penggunaan 'Escape Glow' kepada jabatan – jabatan lain di seluruh Malaysia.

KESIMPULAN

Walaupun projek inovasi 'Escape Glow' kelihatan mudah dan ringkas tetapi impak yang dihasilkan amatlah besar potensinya kerana ia melibatkan keselamatan nyawa pengguna dewan keseluruhannya.

Projek ini bukan sahaja amat praktikal malah ia juga tidak melibatkan kos yang tinggi. Selain itu, ia turut boleh diperluaskan lagi ke keseluruhan ruang pejabat bagi memberi panduan kepada pengguna yang mungkin tidak biasa dengan '*layout*' pejabat. Ini boleh menyelamatkan nyawa pengguna mahupun kakitangan di saat berlakunya kecemasan yang tidak diduga.